

02 AUG 2003

Revo-Dr Mahathir

PM LANCAR GERAKAN REVOLUSI PEMIKIRAN RAKYAT OKTOBER DEPAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan sebuah gerakan massa yang dikenali sebagai Gerakan Revolusi Pemikiran Rakyat (Revo) di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini awal Oktober ini.

Pengerusi Penyelaras Jawatankuasa Pemandu Revo Zulkifli Mohd Alwi berkata tarikh sebenar pelancaran yang dijangka dihadiri lebih 15,000 orang itu akan diumumkan kemudian.

Katanya penubuhan Revo bertujuan memperbetulkan pelbagai salah faham terhadap Islam dan juga untuk membangkitkan kesedaran masyarakat di negara ini menerusi aktiviti yang berorientasikan revolusi pemikiran.

"Revo adalah sebuah badan yang lebih bersifat terbuka serta tidak dipengaruhi oleh mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau parti politik dan diwakili pelbagai lapisan masyarakat Islam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat penubuhan jawatankuasa bersama Revo di sini hari ini.

Sebanyak 37 NGO menghadiri mesyuarat itu, kumpulan kedua yang bersetuju menyertai Revo selepas 21 NGO menghadiri mesyuarat pertamanya 15 Julai lepas.

Zulkifli berkata banyak lagi NGO akan dijemput menyertai 58 NGO dalam Revo.

Katanya sebuah jawatankuasa kecil akan dibentuk untuk menyelaras aktiviti Revo supaya ia dapat sampai ke peringkat akar umbi.

Beliau berkata aktiviti seperti simposium, sesi ceramah, kempen dan kaji selidik yang turut membabitkan para pelajar institusi pengajian tinggi, belia dan pekerja di seluruh negara, sudah dirangka.

Pada mesyuarat itu, Zulkifli yang juga penolong setiausaha Pemuda Umno, dilantik secara rasmi sebagai Pengerusi Revo manakala Datuk Nadzim Johan yang juga Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia dilantik sebagai naib presiden.

-- BERNAMA

NER AZZ DC LAT